

17 OCT 2000
Mahathir-Asem
DR MAHATHIR SAH HADIR ASEM

LANGKAWI, 17 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Mesyuarat Asia Eropah (Asem) di Seoul, Korea Selatan, minggu ini.

Perdana Menteri mengesahkan demikian pada sidang berita bersama dengan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid di Hotel Sheraton Perdana di sini hari ini.

Ketika diminta mengulas ura-ura kononnya beliau tidak akan menghadiri mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata : "Itu hanya khabar angin. Ya, saya akan hadir."

Ketika ditanya sama ada beliau dan Abdurrahman membincangkan mengenai Asem dalam pertemuan mereka hari ini, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak dibincangkan.

Pemimpin Indonesia itu tiba hari ini untuk lawatan kerja dua hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Asem kali ketiga ini bermula semalam dan akan berakhir Isnin ini.

Mengenai perbincangannya dengan pemimpin Indonesia itu, Dr Mahathir berkata mereka telah mengadakan perbincangan yang amat baik, meliputi beberapa bidang.

"Kami mendapati bahawa tiada ada sebarang percanggahan di pihak kami. Kami membincangkan mengenai pekerja Indonesia di sini dan bagaimana ia perlu diuruskan secara rasmi," katanya.

Mereka juga berbincang mengenai kemungkinan kedua-dua negara bekerjasama dalam mempromosikan Pulau Batam di Indonesia sebagai bandar raya Asean.

Malaysia dan Indonesia juga bersetuju untuk meneruskan kerjasama mereka dalam penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas di negara mereka.

Dr Mahathir dan Abdurrahman mengetuai delegasi masing-masing dalam perbincangan dua hala yang berlangsung hampir sejam itu. Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Indonesia Alwi Shihab ialah antara yang menghadiri perbincangan itu.

Abdurrahman berkata Indonesia ingin mempelajari lebih lanjut tentang "zon perdagangan bebas" seperti yang terdapat di Langkawi dan Labuan.

Pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu adalah ekoran satu persefahaman bahawa mereka akan mengadakan perbincangan tidak formal sekali setiap enam bulan ke arah mengukuhkan hubungan dua hala.

Pertemuan sebelum ini diadakan di Jakarta pada Mac lepas.

"Saya berpendapat perbincangan ini terbukti berhasil dan kami akan terus berbincang agar hubungan Malaysia dan Indonesia sentiasa produktif dan memberi manfaat kepada kedua-dua negara," kata Dr Mahathir.

Malam ini, Perdana Menteri akan meraikan Abdurrahman dan delegasinya dalam satu jamuan.

Abdurrahman, yang diiringi isterinya Ibu Sinta Nuriyah, dijadual berlepas ke Hong Kong esok dalam perjalanan ke Seoul untuk turut menghadiri Asem.

-- BERNAMA
NH AZZ MAI